



UMNO:  
AKHIR  
SEBUAH  
IMPIAN

Mohamed Rahmat

2595  
OH



# UMNO: AKHIR SEBUAH IMPIAN

Mohamed Rahmat



PUSTAKA PERDANA



1007750



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

*Buat anak-anakku*

*Nur Jazlan,*

*Nur Jazman dan*

*Nur Jasni*

324.2595



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# Umno: Akhir Sebuah Impian

Copyright © 2009 by The Malaysian Insider

Published in 2009 by  
The Malaysian Insider Sdn Bhd (802488-K)  
809, Block B, Pusat Dagangan Phileo Damansara II  
No 15, Jalan 16/11, Off Jalan Damansara  
46350 Petaling Jaya, Malaysia  
www.themalaysianinsider.com

Printed by  
Five Stars Press Sdn Bhd (826303-T)  
A-G-15 & A-G-16, Jalan PBS 14/2A  
Taman Perindustrian Bukit Serdang  
43300 Seri Kembangan  
Selangor, Malaysia  
Tel: 603 8945 6703  
Fax: 603 8943 6922

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Mohamed Rahmat, Dato', 1938-

Umno: Akhir Sebuah Impian / Mohamed Rahmat.

ISBN 978-983-44524-2-1 ✓ 1938-2010

1. Mohamed Rahmat, Dato', 1938 – Views on politics. 2. UMNO.  
3. Malaysia – Politics and government. I. Judul.  
324.2595

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in any retrieval system or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission in writing from the publisher. For information, contact The Malaysian Insider Sdn Bhd.





# Kandungan

<i>Pengenalan</i> .....	<b>7</b>
<i>Kata-kata aluan dari Datuk Nur Jazlan</i> .....	<b>11</b>
<i>Dari Meja Pengarang The Malaysian Insider</i> .....	<b>13</b>
<i>Sejarah perebutan kuasa dalam UMNO</i> .....	<b>17</b>
<i>Pengalaman awal berpolitik</i> .....	<b>31</b>
<i>Dr Mahathir dan UMNO Baru</i> .....	<b>49</b>
<i>SETIA dan SEMARAK</i> .....	<b>67</b>
<i>Menaikkan populariti Dr Mahathir</i> .....	<b>79</b>
<i>Saya bukan Yes Man</i> .....	<b>113</b>
<i>Habis madu sepah dibuang</i> .....	<b>123</b>
<i>Kawan dan lawan</i> .....	<b>135</b>
<i>UMNO perlu berubah</i> .....	<b>149</b>
<i>Akhir sebuah impian?</i> .....	<b>157</b>
<i>Biodata</i> .....	<b>169</b>



## Pengenalan

# RENUNGAN POLITIK TOK MAT

**S**udah ramai orang meminta saya untuk menulis buku mengenai diri saya dan perjuangan politik UMNO. Sudah banyak kali juga saya menolak permintaan itu. Selama ini saya fikirkan, siapalah yang mahu membaca mengenai diri saya. Bukankah suatu ketika dahulu, sewaktu Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, sayalah orang yang paling dibenci oleh banyak pihak, selain beliau sendiri? Macam-macam tuduhan, macam-macam gelaran diberikan kepada saya. Tetapi saya tidak pula marah. Saya tahu ada sesuatu yang tepat dan benar yang telah saya lakukan. Jika tidak, masakan pihak pembangkang begitu marah dengan saya. Lagi pula, semua yang saya lakukan itu, akhirnya menghasilkan kemenangan besar kepada UMNO dan Barisan Nasional. Malah, walaupun Dr Mahathir dibenci oleh musuh-musuh politiknya, saya berjaya menghasilkan kempen-kempen yang berjaya menarik sokongan rakyat kepada kepimpinan beliau. Apakah orang mahu marah pengundi dan rakyat kerana memilih UMNO dan BN?

Memang hidup saya ini penuh dengan pelbagai kisah politik. Malah kalau hendak dibukukan akan mengambil terlalu banyak halaman. Mungkin

buku akan menjadi terlalu tebal pula. Jadi saya fikirkan, sudahlah orang tidak suka kepada saya dahulu; tentulah mereka tidak mahu membuang masa untuk membaca buku saya. Jadi idea untuk menulis buku jarang saya layan.

Tetapi sejak akhir-akhir ini, anak-anak saya pula yang membangkitkan kembali idea menulis buku. Lagi pun saya sedar, dalam usia yang sudah lanjut ini, mungkin tidak sempat pula untuk berkongsi pengalaman saya dengan sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui liku-liku politik Malaysia sejak Merdeka dahulu. Yang paling kuat bersuara ialah anak sulung saya Nur Jazlan. Katanya, kalau tidak menulis sekarang, sampai bila-bila pun tak akan ditulis. Lagipun, tambahnya, mungkin ada orang ingin tahu rahsia mengapa saya dibenci sangat dahulu dan perlu saya kemukakan hujah saya pula.

Akhirnya saya termakan juga dengan pujukan dan paksaan anak saya itu. Jadi saya membuat keputusan untuk menulis apa sahaja yang saya teringat buat masa ini untuk dibukukan. Buku ini bukan biografi saya atau perjuangan politik UMNO. Ia hanya catatan saya tentang penglibatan saya sewaktu era pemerintahan Dr Mahathir serta sedikit latar belakang awal saya dengan UMNO. Ia juga merupakan tulisan yang mahu menyampaikan hasrat dan harapan saya untuk melihat UMNO kembali bangun sebagai teras orang Melayu sebagaimana gagahnya dahulu dalam tahun-tahun awalnya.

Atas hasrat inilah maka saya jadikan buku ini sekadar satu catatan ringkas yang saya harap dapat menjadi rujukan untuk sesiapa sahaja yang ingin tahu apa yang sebenarnya tersimpan di sanubari saya serta harapan yang ingin saya kongsi bersama dengan mereka yang ingin melihat perubahan yang baik untuk UMNO.

Jika dipanjangkan umur, InsyaAllah, saya usahakan tidak lama lagi penulisan yang lebih terperinci mengenai pengalaman saya dalam dunia politik. Sebagaimana usaha untuk melaksanakan perubahan dalam UMNO, ini juga akan mengambil masa yang panjang. Ia memerlukan penyelidikan yang lebih